

**PEDAGOGI BESTARI : HUBUNGANNYA DENGAN
AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI
SEKOLAH – SEKOLAH MENENGAH HARIAN DAERAH
TAWAU**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NORLELA BT ANSLEY

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2005**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: KEPERLUAN PERKEMBANGAN PROFESIONALISME GURU DALAM TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) : Tinjauan Tahap Kompetensi, Persepsi dan Sikap.


IJAZAH: Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : Sesi 2004/2005

Saya, KHAZIYATI OSMAN, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.

Disahkan oleh



(Penulis: KHAZIYATI BINTI OSMAN)


 NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE
 PUSTAKAWAN
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat :-

Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan
 Ujana Kewangan, Blok 4, Tingkat 10,
 Peti Surat 81097, 87020 WP Labuan


 (DR. SABARIAH SHARIF)
 PENYELIA

TARIKH : 15 OGOS 2005

TARIKH : 15 OGOS 2005

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa hasil kajian ini adalah kajian saya sendiri, kecuali pada nukilan-nukilan yang dipetik telah dinyatakan karya dan sumbernya. Saya juga mengaku penulisan kajian ini adalah hasil saya sendiri dengan bimbingan dan tunjuk ajar penyelia yang terlibat.



Disediakan oleh,
Norlela bt. Ansley
PS03-006(K)-047
14hb Jun 2005



PENGHARGAAN

Kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t di panjatkan atas kudrat yang dikurniakan sehingga saya berjaya jua menyiapkan kajian ini. Kajian ini telah memberikan saya pengalaman intelektual yang cukup berkesan. Banyak cabaran dan kenangan yang tidak akan dapat dilupakan selamanya.

Setinggi penghargaan juga dirakamkan buat penyelia saya Dr.Sabariah Sharif atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan. Kesabaran dan kesudiannya berkongsi kepakaran dalam menyiapkan penulisan ini merupakan suatu jasa tidak ternilai. Semoga Yang Esa sahaja yang akan memberikan ganjaranNya.

Terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan buat semua pensyarah SPPS yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas bimbingan yang telah saya manfaatkan dalam penulisan ini.

Kepada pihak-pihak yang terlibat dalam kajian ini, khususnya guru-guru yang terlibat dalam kajian, pengetua-pengetua, penolong-penolong kanan sekolah dan sahabat-sahabat yang sudi memberi pandangan dan komen dalam proses menyiapkan kajian ini. Semoga kalian semua akan berbahagia selalu.

Kepada suami tercinta Jemsa Sanie dan permata-permata hati saya, Noratina Kellysha, Zetty Amirah, Zaim Naufal, Ain Najihah dan Annis Syahirah kasih sayang kalian adalah kekuatan dan roh yang membangkitkan cabaran intelektual dalam diri saya. Pengorbanan dan kesabaran kalian merupakan saat-saat manis yang mengikat lagi rasa cinta kita semua. Semoga perjuangan intelektual 'mam' akan diteruskan oleh anak-anak untuk menjadi seorang insan yang beriman dan berilmu.

Kepada semua keluarga, bapa (Ansley Donald) dan bapa mertua (Sanie Bahwanie) yang banyak membantu saya dan memberi semangat untuk terus berjaya dalam menyiapkan pengajian ini. Semoga kalian semua akan selalu diberkati Allah s.w.t.



ABSTRAK

PEDAGOGI BESTARI : HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH HARIAN DAERAH TAWAU

Projek membestarikan semua sekolah di Malaysia merupakan visi Kementerian Pendidikan menjelang tahun 2010. Projek ini bertujuan untuk mencapai Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan pusat teknologi telekomunikasi antarabangsa. Konsep Sekolah Bestari yang mula diperkenalkan di Sekolah-Sekolah Bestari kini mula diperkenalkan di sekolah-sekolah harian bagi memenuhi hasrat tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui maklumat asas pedagogi bestari di kalangan guru-guru di sekolah harian serta hubungannya dengan amalan pengajaran dan pembelajaran mereka. Reka bentuk kajian ini adalah berasaskan kolerasi dan deskriptif yang menggunakan analisis kuantitatif. Sebanyak 6 buah sekolah menengah harian di daerah Tawau telah dipilih dalam kajian ini. 120 orang guru telah dipilih sebagai responden dengan nisbah 20 orang guru setiap sekolah. Instrumen utama kajian ini ialah borang soal selidik yang mengandungi 4 bahagian utama : Latar belakang responden, maklumat asas Pedagogi Bestari, amalan pedagogi bestari dan indikator-indikator keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah harian. Analisis data menunjukkan wujud amalan pedagogi bestari dengan amalan pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah harian. Hasil Kajian ini juga menunjukkan wujud pertalian kolerasi yang positif dan signifikan antara amalan pedagogi bestari dan keberkesanannya dalam amalan pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah harian. Berdasarkan hasil kajian ini ada faktor-faktor penting yang perlu diberi perhatian jika amalan pedagogi bestari ini hendak di implimenkan sepenuhnya secara efisien di sekolah harian iaitu kesedaran. Faktor kesedaran wujud berdasarkan pemahaman yang tinggi tentang pedagogi bestari. Berdasarkan maklumat asas pedagogi bestari inilah wujudnya kesedaran untuk mengamalkan pedagogi bestari menggantikan pedagogi tradisional yang menjadi amalan guru di sekolah-sekolah harian sebelumnya.



ABSTRACT

SMART PEDAGOGY : IT'S RELATIONSHIP TOWARDS THE TEACHING AND LEARNING PRACTICE IN DAILY SCHOOLS IN TAWAU DISTRICT.

It is the vision of The Ministry of Education to implement Smart Learning in all schools in Malaysia before 2010. This project correlates with The Vision 2020 which aim is to enable Malaysia to become a hub and centre of international telecommunication technology. To ensure its success, Smart School concept which had been implemented in Smart Schools is now being introduced to Daily Schools. This research is carried out to get feedback on the basic knowledge of Smart Pedagogy among teachers in relation to their teaching and learning practices. The layout of this research is based on descriptive and correlation which uses quantitative analysis. For this purpose, six daily secondary schools in Tawau were chosen. 120 teachers with the average of 20 per school were selected. The instrument used were questionnaire forms. They were divided into four main sections : respondents background, basic knowledge on Smarts Pedagogy, its practices and effectiveness indicators on the teaching and learning in daily schools. The analysis shows that Smart Pedagogy is being practiced in daily schools. The research also shows that there is a significant and positive parallel connection between Smart Pedagogy practices and their effectiveness in the teachers teaching and learning practices in daily schools. This research also highlights the factors to be considered if the Smart Pedagogy Practise are to be fully implemented effectively in Daily Schools. The Awareness of this Smart Pedagogy is borned out the teachers' deeper understanding of the concept. Hence, there is a tendency among teachers Daily Schools to practice Smart Pedagogy instead of Tradisional Pedagogy that has been the norm before this.



SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru.
IT	Teknologi Maklumat.
ICT	Teknologi Maklumat Komputer.
KDP	Kursus Dalam Perkhidmatan.
KDP	Komputer Dalam Pendidikan.
MSC	Koridor Raya Multimedia.
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris.
LAN	<i>Local Area Network.</i>
WAN	<i>Wide Area Network.</i>
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran.
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia.
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan.
TKP	Teori Kepelbagaian Kecerdasan.
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan.
SPSS	Perisian Statistical Package For Social Science.
CMI	Contextualized Multiple Intelligence.



KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SINGKATAN	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	vii

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan.	1
1.2	Latar belakang kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Matlamat Kajian.	5
1.6	Objektif Kajian.	6
1.7	Hipotesis	6
1.8	Definisi Operasional.	7
	1.8.1 Pedagogi	7
	1.8.2 Pedagogi Bestari.	8
	1.8.3 Sekolah Bestari	9
	1.8.4 Sekolah Menengah Haraian	10
1.9	Skop/Batan Kajian.	10
1.10	Kepentingan Kajian	11

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Kajian Lepas dan Definisi Konsep	
	2.2.1 Konsep Sekolah Bestari Malaysia	14
	2.2.2 Ciri-ciri Sekolah Bestari	16
	2.2.3 Budaya Sekolah Bestari	18
	2.2.4 Pedagogi Sekolah Bestari	19
	2.2.5 Sorotan Perbezaan Sekolah Bestari dan Sekolah Harian Biasa	24
2.3	Teori Kajian Lepas.	
	2.3.1 ICT Dalam Pendidikan	26
	2.3.2 Teori Pembelajaran Konstruktivisme	28
	2.3.3 Teori Pedagogi Bestari.	30
2.4	Penerangan Model.	34



2.5	Perbincangan	35
2.6	Kesimpulan	37

BAB 3 : METADOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	39
3.2	Rekabentuk Kajian.	39
3.3	Kerangka Kajian.	40
3.4	Pemboleh ubah	41
3.5	Populasi dan Sampel kajian	42
3.6	Instrumen Kajian	43
3.7	Pra-Uji.	45
3.8	Tempat Lokasi Kajian	45
3.9	Pentadbiran Instrumen Kajian.	46
3.10	Analisis Data	47

BAB 4 : ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan.	50
4.2	Hasil Kajian	
4.2.1	Ciri dan Latarbelakang Responden.	52
4.2.2	Analisi Latar belakang Responden	53
4.2.3	Status KeseluruhanMaklumat Asas Pedagogi Bestari	54
4.2.4	Status Keseluruhan Amalan Pedagogi Bestari Di Sekolah Harian.	55
4.2.5	Status Keseluruhan Pengaruh Pedagogi Bestari Terhadap Amalan P & P Guru di Sekolah Harian.	56
4.2.6	Hubungan Antara Maklumat Asas Pedagogi Bestari Dengan Amalan Pedagogi Bestari dalam P & P	59
4.2.7	Hubungan Antara Pedagogi dengan Amalan P & P Di Sekolah Harian.	59
4.3	Kesimpulan	60

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN.

5.1	Pengenalan	62
5.2	Perbincangan	
5.2.1	Objektif Kajian	62
5.2.2	Metodologi Kajian	63
5.2.3	Hasil Kajian.	64
5.3	Kesimpulan/Rumusan.	66
5.4	Implikasi Hasil Kajian.	71
5.5	Cadangan-Cadangan Bagi Kajian Akan Datang	73



BABLIOGRAFI

75

LAMPIRAN

82



SENARAI JADUAL

2.1	Perbandingan Budaya Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Bestari dan Sekolah Harian.	25
2.2	Perbezaan Sistem Pentaksiran Sekolah Bestari dan Sekolah Harian.	25
2.3	Teori Pedagogi Bestari.	33
3.1	Pekali Kebolehpercayaan Indikator Soalan Soal Selidik.	46
3.2	Intepretasi Nilai Pekali Kolerasi Pearson (r)	48
3.3	Analisis Data Yang digunakan Dalam Kajian.	48
4.1	Kadar Pemulangan Borang Soal Selidik.	51
4.2	Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah.	52
4.3	Taburan Responden Mengikut Jantina.	53
4.4	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan.	53
4.5	Taburan Responden Terlibat Dengan Kursus Bestari.	54
4.6	Persepsi Responden Terhadap Maklumat Asas Pedagogi Bestari.	55
4.7	Persepsi Responden Terhadap Amalan Pedagogi Bestari.	56
4.8	Status Keseluruhan Pengaruh Pedagogi Bestari Terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru di Sekolah Harian.	57
4.9	Status Pengaruh Pedagogi Bestari Terhadap Amalan P & P Guru.	57
4.10	Hubungan Antara Maklumat Asas Pedagogi Bestari Dengan Amalan Pedagogi Bestari di Sekolah Harian.	59
4.11	Hubungan antara Amalan Pedagogi Bestari dengan Amalan P & P di Sekolah Harian.	60



4.12	Jadual Hasil Kaedah Analisis Data yang di gunakan dalam Kajian.	61
4.13	Hasil Dapatan Deskriptif.	61
4.14	Hasil Dapatan Inferens.	61



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Projek Sekolah Bestari merupakan salah satu daripada tujuh aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) Kerajaan Malaysia. Projek ini bertujuan untuk menyediakan pekerja ilmu yang akan memainkan peranan penting dalam bidang Sains dan Teknologi Maklumat ke arah mencapai Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan Pusat Teknologi Telekomunikasi Antarabangsa. Sebanyak 90 buah sekolah di seluruh negara telah dijadikan Projek Rintis Sekolah Bestari pada tahun 1999 dan visi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha menjadikan semua sekolah pada tahun 2010 sebagai Sekolah Bestari. Seajar dengan keadaan negara yang perlu melalui transisi ke arah kepimpinan dalam Zaman Teknologi Maklumat (KPM Smart School, 1997).

Terkini, amalan Sekolah Bestari ini mula diserapkan di sekolah-sekolah harian yang sebelumnya telah dilaksanakan di sekolah-sekolah berasrama penuh dan



sekolah-sekolah harian pilihan. Amalan ini, di sekolah harian bermula dengan penggunaan alat dan maklumat ICT yang dibekalkan dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), pelaksanaan makmal komputer di bawah projek Komputer Dalam Pendidikan (KDP) serta pengenalan pedagogi bestari melalui empat mata pelajaran utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di Sekolah-Sekolah Harian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Konsep pendidikan yang berteraskan "Falsafah Pendidikan Negara" di negara ini merupakan satu usaha ke arah pendemokrasian dan peningkatan mutu dan sistem pendidikan keseluruhannya. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai reformasi dalam sistem pendidikan negara untuk memenuhi kepakaran dan aspirasi negara menjelang alaf baru dengan pelbagai tujuan (Wan Mohd. Zahid, 2002).

Kemajuan pesat dan ledakan teknologi maklumat telah mencetuskan pelbagai perubahan yang perlu diterima oleh pihak guru dan masyarakat umum. Pemikiran baru dalam pendidikan, perkembangan teknologi dan ledakan teknologi maklumat memaksa kita melihat dan mengubah proses pengajaran dan pembelajaran, persekitaran pembelajaran, peranan guru, peranan pelajar dan cara mengurus kurikulum, sesuai dengan era tersebut. Natiyahnya akan terjemahlah gagasan sekolah yang dilabelkan sebagai "Sekolah Bestari".

Kajian ini cuba melihat sejauhmana konsep dan amalan pedagogi bestari difahami dan diterima di sekolah-sekolah menengah harian. Memahami konsep



sekolah bestari, elemen-elemen sekolah bestari dan bentuk-bentuk pedagogi bestari memberi kesan kepada amalan pengajaran dan pembelajaran di sekolah harian.

Apabila kita menyebut Sekolah Bestari tergambar satu gambaran yang manusia akan bekerja keras dengan penggunaan teknologi tinggi serta penambahan beban kerja. Inilah di antara keluhan yang didengar apabila usaha membestarikan sekolah dibincangkan di sekolah harian. Seseengah guru yang aktif, kreatif dan berkemahiran tinggi dalam komputer menganggap usaha ini sebagai sesuatu yang dinantikan. Manakala golongan yang menerima perubahan pula berpendapat ini adalah satu usaha ke arah meningkatkan mutu pendidikan kita. Kepelbagaian persepsi guru ini merupakan cabaran ke arah membestarikan sekolah dan penerimaan atau penolakan konsep ini akan memberi kesan kepada pelaksanaan program tersebut.

Kajian ini juga cuba melihat sejauh mana amalan pedagogi bestari dilaksanakan di sekolah harian. Pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah menganjurkan kursus KDP Bestari 14 minggu kepada guru-guru Sekolah Harian untuk pendedahan ke arah membestarikan sekolah masing-masing. Bekalan Komputer Riba, Makmal Komputer, *Internet* dan pelbagai maklumat ICT di sekolah-sekolah biasa telah memperlihatkan hasrat ke arah menggunakan pelbagai teknologi telekomunikasi dalam pedagogi yang jelas merupakan prinsip-prinsip amalan Pedagogi Bestari (BPG, 2002).

1.3 Pernyataan Masalah

Pada dasarnya, Kementerian Pendidikan berpendirian untuk menggalakkan sekolah-sekolah yang bukan dalam sampel Sekolah Bestari yang ada melakukan

pembestarian sekolah melalui usaha sendiri, selaras dengan strategi perluasan Projek Sekolah Bestari yang dinyatakan dalam dokumen *The Malaysia Smart School Implementation Plan*. Pihak Kementerian Pendidikan telah menyediakan garis panduan, latihan dan segala sokongan yang mungkin untuk membantu sekolah-sekolah ini, khususnya sekolah-sekolah di luar bandar. Ini adalah bagi menyokong hasrat Kementerian Pendidikan dalam projek membestarikan semua sekolah secara berperingkat dengan jumlah 40 buah sekolah setiap tahun dari tahun 2001 hingga 2010 (Rosma Osman, 1998).

Setiap tahun pihak pengurusan sekolah khususnya sekolah harian akan tampil dengan pelbagai bentuk sistem pengurusan kurikulum sekolah yang baru. Kesemua perancangan yang dirancang adalah untuk peningkatan kualiti. Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan yang kesemuanya bertujuan untuk mencapai kepada konsep Sekolah Bestari.

Permasalahan yang timbul di sini, adalah mengenai maklumat Pedagogi Bestari di kalangan guru-guru Sekolah Harian dan hubungannya dengan amalan Pedagogi Bestari yang menjadi amalan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini cuba melihat pengaruh Pedagogi Bestari dalam amalan pengajaran dan pembelajaran guru di Sekolah Harian.

Pelbagai bentuk pengurusan kurikulum, pengurusan bilik darjah, pengurusan sumber pengajaran pembelajaran dan pengurusan sumber manusia hari ini perlu diperjelas untuk melihat sejauhmana ia memenuhi kehendak pedagogi Sekolah Bestari.



1.4 Persoalan Kajian

Diharap melalui kajian ini nanti, akan dapat menjawab beberapa persoalan kajian yang berkaitan dengan amalan Pedagogi Bestari di sekolah harian. Antara persoalan yang ingin dijawab ialah:

1. Apakah guru-guru sekolah harian mempunyai maklumat asas pedagogi bestari?
2. Adakah konsep sekolah bestari ini difahami dan dihayati oleh guru-guru?.
3. Adakah hubungan maklumat asas pedagogi bestari dengan amalan pedagogi bestari di sekolah harian?
4. Apakah hubungan maklumat asas pedagogi bestari dengan amalan pengajaran dan pembelajaran bestari di sekolah harian?

1.5 Matlamat Kajian

Fokus utama kajian ini dibuat umumnya adalah untuk meninjau dan mengkaji tentang pemahaman, penerimaan dan pelaksanaan konsep pedagogi bestari di sekolah harian. Kajian ini melibatkan enam buah sekolah harian di daerah Tawau yang telah menerima latihan KDP Bestari selama 14 minggu oleh BPG di maktab-maktab perguruan. Hasil kajian ini nanti kita akan dapat melihat samada konsep sekolah bestari ini boleh diterima atau sebaliknya. Di samping itu kajian ini juga, adalah untuk melihat sejauhmana usaha-usaha membestarikan sekolah ini dibuat serta keberkesanannya.

Fokus seterusnya kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana amalan pedagogi bestari diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah harian. Pedagogi memperlihatkan bagaimana pelajar dididik supaya bersifat global,



berliterasi, berakhlak mulia dan mampu beroperasi di arena antarabangsa dengan menggunakan teknologi multimedia (Wan Mohd.Zahid, 2002). Pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam mengujudkan suasana dan proses pengajaran dan pembelajaran yang terarah sendiri, kreatif dan berdikari.

1.6 Objektif Kajian

Fokus utama kajian ini dibuat umumnya adalah untuk meninjau dan mengkaji tentang perkara-perkara berikut:

1. Mengenalpasti maklumat asas Pedagogi Bestari dikalangan guru-guru.
2. Mengenalpasti konsep Sekolah Bestari di fahami dan diterima di sekolah harian.
3. Meninjau hubungan maklumat asas Pedagogi Bestari dengan amalan pengajaran dan pembelajaran bestari di sekolah-sekolah harian.
4. Mengenalpasti hubungan Pedagogi Bestari dengan amalan pengajaran dan pembelajaran bestari di sekolah harian.

1.7 Hipotesis

Sekolah Bestari merupakan satu institusi pembelajaran yang bersistematik dalam bidang pengajaran dan pembelajaran secara praktikal dengan pendekatan integerasi dalam pengurusan mahupun dalam pengajaran dan pembelajaran. Teknologi digunakan sebagai alat dalam semua aktiviti di sekolah supaya proses pengajaran



dan pembelajaran berjalan dengan efisien dan efektif. Hipotesis yang dibuat dalam kajian ini adalah didapati bahawa:

- H_o^1 Tidak terdapat hubungan di antara maklumat asas pedagogi bestari guru dengan amalan pengajaran dan pembelajaran bestari di sekolah harian.
- H_o^2 Tidak terdapat hubungan diantara pedagogi bestari dengan amalan pengajaran dan pembelajaran bestari di sekolah harian.

Hipotesis yang dibuat adalah hipotesis alternatif yang menghubungkan di antara objektif dan permasalahan kajian yang dibuat. Hasilnya didapati terdapat kolerasi di antara objektif dan permasalahan kajian, iaitu kefahaman, kesedaran dan kesan komitmen tersebut. Hasilnya didapati terdapat kolerasi di antara objektif dan permasalahan kajian, iaitu kefahaman, kesedaran dan amalan pedagogi bestari dalam pengurusan kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah harian.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional akan melihat kepada maksud-maksud mengenai Pedagogi, Pedagogi Bestari, Sekolah Bestari dan Sekolah Harian.

1.8.1 Pedagogi

Pedagogi sering merujuk kepada teori-teori pengajaran dan pembelajaran yang cuba dimanipulasikan bagi memperolehi pengetahuan secara berkesan. Pedagogi ini juga sering dikaitkan dengan teknik atau seni yang digunakan oleh guru dalam



mengujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih mudah dan menarik.

Menurut Boettecher, (1998):

"Pedagogy – the art or science of teaching.."

Dalam konteks ini seseorang guru memerlukan kemahiran yang tinggi dalam pelbagai bidang pedagogi (*pedagogical content knowledge*) agar dapat mentransformasikan pengetahuan yang ada kepada anak didiknya. Selain daripada itu guru juga perlu mempunyai pengetahuan asas pedagogi (*general pedagogical knowledge*) yang cenderung kepada asas mengajar '*generic*' agar wujud konsep '*teachable*' dan '*accessible*' di antara guru dan anak didiknya. Guru bukan sahaja memerlukan pengetahuan dalam bidang ilmu yang diajar tetapi juga perlu peka dengan pelbagai bahan teknologi semasa agar suasana pengajaran dan pembelajaran lebih efektif.

1.8.2 Pedagogi Bestari

Pedagogi bestari adalah satu bentuk pembelajaran yang bercorak terarah sendiri individu, berkesinambungan dan reflektif. Ini berlaku dengan adanya penggunaan teknologi multimedia dan jaringan maklumat yang luas. Pembelajaran beranjak daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar dengan berpandukan pelbagai kebolehan mereka.

Menurut Nor Hayati (2003):

"The Smart School philosophy of pedagogy is not total "student-Centredness" but an appropriate mix of learning strategies to ensure mastery of basic competencies and promotion of holistic development "

Kurikulum Bestari lebih fleksibel dan terbuka. Kurikulum ini juga dirancang supaya lebih bermakna, mempunyai tanggungjawab sosial, *reflektif, holistic, global* dan



terbuka berdasarkan matlamat. Ia menggalakkan pembelajaran *holistic* yang membenarkan kanak-kanak maju mengikut tahap pencapaian masing-masing dan mengambil kira keupayaan, minat dan keperluan pelajar yang berbeza-beza. Pelajar dididik dengan kemahiran berfikir secara kritis, disemai dengan nilai murni dan digalakan meningkatkan kefasihan berbahasa. Kurikulum dan pedagogi bestari dibentuk untuk membantu pelajar mencapai perkembangan seimbang.

1.8.3 Sekolah Bestari

Sekolah Bestari adalah satu institusi pembelajaran yang bersistematik dalam bidang pembelajaran dan pengajaran secara praktikal dalam usaha menyediakan generasi untuk era Teknologi Maklumat. Sekolah Bestari juga merupakan satu '*flagship*' dalam koridor Raya Multimedia (MSC) yang harus dilaksanakan menjelang tahun 2000 (*Smart School Blue Print, 1997*). Pada tahun 1999 sebanyak 90 buah sekolah termasuk Sekolah-Sekolah Asrama Penuh dan Sekolah Harian Pilihan telah dipilih untuk pelaksanaan Sekolah Bestari yang bukan satu kemewahan tetapi satu-satunya cara untuk menuju ke hadapan.

Konsep Sekolah Bestari adalah bersandarkan kepada dua asas penting iaitu Falsafah Pendidikan Kebangsaan, nilai-nilai murni dan kepakaran teknologi maklumat (*IT*). Dua asas penting ini yang menekankan kepada pembinaan dan pembangunan potensi secara menyeluruh dan bersepadu serta pembinaan nilai, menjadikan sekolah bestari sesuatu yang bitara.



1.8.4 Sekolah Menengah Harian

Konsep Sekolah Menengah Harian yang biasanya digunakan kepada sekolah-sekolah yang beroperasi pada waktu-waktu persekolahan sahaja. Sekolah harian ini mula beroperasi dari segi pengurusan dan pembelajaran hanya bermula seawal pagi dan berakhir pada waktu petang. Ini bermakna tidak ada pengoperasian resmi berjalan pada waktu malam. Dengan kata lain Sekolah Harian adalah biasanya merujuk kepada sekolah-sekolah yang tidak mempunyai pengoperasian asrama (Maklumat Data *Emes* Sekolah).

Sekolah Harian ini juga adalah gelaran bagi Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan yang bukannya Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Sains atau Sekolah Teknik. Ia lebih merujuk kepada sekolah-sekolah menengah biasa.

1.9 Skop/Batasan Kajian

Untuk tujuan kajian ini, lokasi kajian yang dipilih berjumlah 6 buah sekolah menengah kebangsaan harian sahaja. Sekolah-sekolah ini adalah mewakili sekolah-sekolah menengah kawasan bandar dan luar bandar mengikut taburan sekolah menengah di daerah Tawau (dari segi lokasi sekolah). Rasional Sekolah-Sekolah ini dipilih adalah berdasarkan kepada sesetengahnya telah terlibat dengan Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) Sekolah Bestari selama 14 minggu yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Sabah dan Bahagian Pendidikan Guru.

Sasaran pemilihan sampel untuk kajian adalah melibatkan 120 orang guru yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah berkenaan. Mereka akan di pilih secara rawak bagi melihat keberkesanan Pedagogi Bestari dalam amalan pengajaran dan pembelajaran harian yang mereka jalankan.



1.10 Kepentingan Kajian

Sistem pendidikan kita harus dapat menyediakan generasi akan datang dengan pelbagai kemahiran bagi memenuhi Wawasan 2020, Falsafah Pendidikan Negara dan yang mempunyai daya saing dalam menghadapi arus globalisasi. Untuk menuju ke arah itu kita perlu memikirkan kembali identiti dan fungsi sekolah kita dan memberikannya identiti baru yang dinamik selaras dengan perkembangan dalam dunia pendidikan khususnya dan kejayaan negara-negara maju amnya. Ianya merupakan agenda negara yang besar yang perlu difahami, dirancang dan diurus dengan sempurna.

Kajian ini didorong oleh pengalaman pengkaji yang terlibat secara langsung dalam perkhidmatan pendidikan di sekolah yang turut sama terlibat dalam usaha-usaha untuk menyerapkan nilai Bestari seterusnya dalam proses membestarikan sekolah.

Usaha ini merupakan satu usaha besar yang melibatkan pelbagai perubahan dalam pengurusan sekolah seperti penggunaan teknologi komputer yang tinggi khususnya dalam mengujudkan rangkaian pengurusan berangkai. Keadaan ini memerlukan kemahiran yang tinggi serta kesediaan menerima perubahan dikalangan guru dari segi fizikal dan mental. Tanpa persediaan-persediaan yang rapi, usaha-usaha membestarikan sekolah hanya akan tinggal angan-angan.

Hasil kajian ini diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu pihak sekolah menangani permasalahan-permasalahan yang boleh menghalang usaha-usaha membestarikan sekolah. Kesanggupan untuk menerima sebarang perubahan merupakan perkara utama dalam usaha ini. Apapun yang dirancang dan



diperkenalkan tidak akan berhasil jika warga sekolah enggan menerima sebarang perubahan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kepada pengkaji dan penyelidik akan datang , diharapkan dapat meneruskan kajian ini agar sebarang masalah dalam usaha untuk membestarikan sekolah yang akan timbul di masa-masa akan datang dapat diatasi. Seterusnya kita dapat sama-sama merealisasikan sekolah bestari acuan Malaysia di sekolah-sekolah harian secepat mungkin.



BIBLIOGRAFI

Dokumen Rasmi Yang Tidak Diterbitkan.

Blue Print, KPM. 1997. *Smart School Flagship Application : The Malaysian Smart School : A Conceptual Blue Print.*

BPG. 2002 . *Perlaksanaan Kurikulum Kursus Dalam Perkhidmatan.*

BTP. 2002 . *Pelaksanaan Program Pengkomputeran di Sekolah.*

BTP. 2003. *Panduan Penggunaan Sistem Pengurusan Sekolah Bestari.*

BTP. 2003. *Tinjauan kemahiran dan Pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Pelajar di Sekolah Projek Rintis Aplikasi TMK Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.*

Goh Lay Huah. 2004. *Kursus Dalaman Sekolah Bestari.* Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu.

Goh Lay Huah. 2000. *Perceptions of The Conditions for Change During The Early Implementation Stage of the Smart School Program – The Case of Sabah.* Unpublished Research.

KPM. 2000. *Kecemerlangan Pendidikan.*

KPM. 1997. *Guru Bestari Sekolah Bestari.*

KPM. 2000. *Modul Induksi Pedagogi Bestari Penolong Kanan dan Ketua Bidang Sekolah Bestari.*

KPM. 1997. *The Malaysian Smart School : Implementation Plan.*



PPK. 2001. *Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam P & P.*

PPK. 2001. *Kepimpinan dan Pengurusan Kurikulum di Sekolah.*

Akhbar

Buletin Bestari. (Vol.1 & 2) 2003 .*From Vision To Reality.*

New Straits Times. (12.09.2002). *Teachers Will Turn Facilitators.*

Tesis/Latihan Ilmiah

Amin Senin. 1999. *Pembelajaran Organisasi dan Keberkesanan Akademik Sekolah Serta Pertaliannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Terpilih Daerah Kota Kinabalu.* Thesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

Coe, M.A. 1998. *Learning Organizations and The Innovative/Effective Middle School.* Thesis PHD, Pannsylvania State University.

Sabariah Sharif. 2002. *Malaysia Smart School Initiative ICT Pedagogy Issue.* Thesis PHD, University of Bath.

Kertas Kerja

Mohd.Yusof Othman. 1999. *Insan Bestari dan Tuntutan Alaf Baru.* Kertas Kerja Mesyuarat Lestari Bestari, Hotel Grand Continental, Kuala Lumpur, 6 – 8 Dismeber, Anjuran Bhagian Pendidikan Guru.

Rohani Abd.Hamid. 2002.*Education Reform to Meet The Challenges of a k-Economy : The Malaysian Perspective.* Kertas kerja International Conference on the Challenge in Borderless Education, 16 Oktober, The JB Hotel, Hatayi, Thailand.



Rosma Osman. 1998. *Generasi Alaf Baru*. Kertas Kerja Seminar Sekolah Bestari, di Maktab Perguruan Gaya Kota Kinabalu, 4 – 5 September, Anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum.

Siti Hawa Ahmad. 1997. *Smart School : The Way Forward*. Kertas kerja dibentangkan semasa Persidangan "Discovery Malaysia '97" di Radison Hotel, Shah Alam, 3 – 4 Jun.

Wan Mohd.Zahid. 2002. *Sekolah Bestari di Malaysia.Hala Tuju ke Masa Depan*. Kertas Kerja Sekolah Bestari, Bahagian Teknologi Pendidikan, 3 Feburari, Anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia.

Buku

Al-Ramiah, 1990. *Kepimpinan Pendidikan Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur : Cetakrapi Sdn.Bhd.

Ary, D., Jacob, L.C. & Razavieh A. 1990 . *Introduction to Research in Education*. Florida : Holt, Rinehart & Winston Inc.

Brent Davies, JohnW.Burham. 1996 . *Penyusunan Semula & Kualiti Menyeluruh di Sekolah*. (Terj.) Zol Azlan Hamidin. 1999. Pulau Pinang : Rhythm Distributor Sdn.Bhd.

Christopher B-Carr, John W.Burnham. 1997. *Pembelajaran Berkesan di Sekolah*. (Terj.) Anuar Ayub. 1999 . Pulau Pinang : Rhythm Distributor Sdn.Bhd.

Fiske, E.B. et al. 1992. *Smart School Smart Kids*. New York : Simon & Schuster.

Hopkins, D., Ainscow, M., & West, W. 1996. *School Improvement in An Era of Change*. London : Cassel Plc.

Hairuddin Mohd.Ali. 1999. *Sitem Kualiti MS ISO 9000 Dalam Organisasi Pendidikan*. Selangor : Dasar Cetak (M) Sdn.Bhd.



- Leithwood, K. & Aitken, R. 1995. *Making Schools Smarter : A System for Monitoring School and District Progress*. California : Corwin Press.
- Mohd.Salleh Lebar. 1996. *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur : Berita Publishin Sdn.Bhd.
- Mohd.Majid Koting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : DBP.
- Perkins, David. 1992. *Smart School, Better Thinking and Learning for Every Child*. New York : Free Press.
- Sonia Blandford. 1996. *Pengurusan Peringkat Pertengahan Di Sekolah*. (Terj,) Bahariah Yusuf. 1999. Pulau Pinang : Rhythm Distributor Sdn.Bhd.

Artikel

- Adnan bin.Yusopp, 1999. *Pendidikan Islam Dalam Pelaksanaan Sekolah Bestari*. Journal Dakwah, Jilid 1 (Dis.). Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 17 – 29.
- Ahmad Basri Yussof. 2003 . *Cost Efficiency In Education*. Journal BTP (5),p58 – 63.
- Brent G. Wilson. 1995. *Successful Technology Integration in An Elementary School : A Case Study*. Journal Technology Study, University of Colorado Denver, p1- 40.
- Brooks, J.G. & Books, M.G. 1993. *In Search Of Understanding : The Case For Constructivist Classrooms*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD).
- Frost & Sullivan. 2003. *Benchmarking Of The Smart School Integrated Solution*. Journal BTP, (5), p11 – 20.



- Mohammed Sani. 2003. *Pembestarian Sekolah Dalam Era Globalisasi : Satu Pemikiran Baru Dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. Journal BTP (5), p21-38.
- Mohammed Sani. 1992. *Satu Penilaian Terhadap Program Kursus Dalam Perkhidmatan untuk guru-guru di Malaysia dan Implikasi Terhadap Masa Depan*. Fakulti Pendidikan,Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammed Sani , Jamalul Lail Abdul Wahab, Mohd Izham Mohd Hamzah & Warnoh Katiman. 2002. *Kajian Keberkesanan Perlaksanaan Program Latihan Guru Sekolah Bestari*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- M.Gail Jones & Elizabeth M.Vesilind. 1996. *Putting Praticce Into Theory : Change in the Organization of Preservice Teachers'Pedagogical Knowledge*. Journal American Educational Research (vol.33), p91 – 117.
- Nor Hayati & Chan Foong Mae. 2003. *Application of the Smart School Conceptual Model In Preschool Education*. Journal BTP (5), p1 – 10.
- Roger Lewis. 1999. *The Role of Technology in learning: Managing to Achieve a Vision*. British Journal of Educational Technology, (vol.30), p141- 150.
- Sukimin & Noor Hanim. 2003. *Studying In A Smart School : What Do The Students Think?*. Journal BTP (5), p51 – 57.
- Tee Seong Beng, Macs. 2000. *An Information Model To Manage Students' Information In Malaysia*. Journal Jabatan Teknologi Pendidikan, Maktab Perguruan Batu Lintang, p1 -11.

Laman Web/emel

"An Overview of Information Technology and How to Promote Its Adoption" dlm. <http://www.uno.edu/~edci/site97/23-th.htm>.



- "A Techno-Pedagogical Approach to Collaborative Distance Learning"* dlm.
<http://www.uno.edu/~edci/site97/23-th.htm>.
- "Cooperative Learning Ventures Using Microsoft Products and Other Selected Program"*
dlm.<http://RICE.edn.deakin.edu.au/Archives/95Anual/1910.htm>.
- "Conducting Case Studies: Collecting The Evidence"*
dlm. [http://llanes.panam.edu/Case Study Research](http://llanes.panam.edu/Case%20Study%20Research). HTML.
- Constructivist Learning Environments"*
dlm. [http://www.educ.ksu.edu/Faculty/McGrath Diane/DMcG/Jonassen.htm](http://www.educ.ksu.edu/Faculty/McGrathDiane/DMcG/Jonassen.htm).
- "Froe Essential to Constructivism : Philosophy of Technologi at the Crossroads".*
dlm. http://www-rohan.sdsu.edu/faculty/feenberg/talk_4.html.
- "Formalist Thinking and Language Arts Instruction : Teachers' and Student's Beliefs about Thruth and Caring in the Teaching in the Teaching Conversation".*
dlm. <http://mfp.es.emoru.edu/TTE1998.html>.
- "The One Classroom",*
dlm.<http://www.remell.k12.mi.us/beisd/classves/onecomp.htm>.
- "Instructional Technologies : Personal Computer Applications Standard and Benchmark Indicators: Elementary Level"*dlm.<http://www.madison.k12.wi.us/tnl/inttech.htm>.
- "Pedagogical Content Knowledge (PCK)": Konsep dan Implikasinya Untuk Penelitian dan Pengembangan Program Pendidikan Guru"* dlm.
<http://www.harryfirman.com>.
- "Pedagogy"* dlm.
<http://msewww.engin.umich.edu/people/darcyc/pedagogy.html>



"Pedagogy and Learning Strategies".

dlm. <http://www.csus.edu/pedtech/Learning.html>.

"Sekolah Bestari". dlm.

<http://www.geocities.com/fzul75/sekolahbestari.html>.

Sushkin, N. 1999. *"Constructivist Theory".*

[http://carbon.cudenver.edu/~mryder/itc data/constuctivism.html](http://carbon.cudenver.edu/~mryder/itc_data/constuctivism.html).

